

Program Akademik Bahasa Arab Ijazah Sarjana Muda Di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (Uiam): Analisis Awal Terhadap Respons Pelajar

Academic Program of Bachelor Arabic Language in International Islamic University Malaysia (IIUM): Preliminary Analysis of Student Response

Muhammad Sabri Sahrir¹, Nurkhamimi Zainuddin² & Mohd Shahrizal Nasir³

ABSTRAK

Kursus bahasa Arab sebagai program sarjana muda telah ditawarkan di kebanyakan universiti awam (UA) di Malaysia dengan pelbagai nama program (nomenclature) yang berbeza bergantung kepada falsafah universiti dan objektif penawaran program akademik itu sendiri. Namun begitu, program akademik ini telah ditawarkan oleh universiti-universiti di Timur Tengah sejak sekian lama. Kajian ini dijalankan dalam kalangan para pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang mengambil pengkhususan Bahasa Arab dan Kesusasteraan (BARB) daripada tahun 1 hingga 4 di Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan (KIRKHS) bagi mengkaji keberkesanan dan maklum balas para pelajar terhadap program akademik yang telah ditawarkan ini sejak tahun 1990. Responden kajian ini dipilih daripada kalangan para pelajar Bahasa Arab yang mengambil subjek Aplikasi Komputer dalam Jabatan Bahasa Arab dan Kesusasteraan atau ARAB 2124 dalam semester 2, 2014/2015 yang berjumlah 70 orang. Instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik yang terdiri daripada soalan tertutup (close-ended) dan terbuka (open-ended). Secara umumnya, para pelajar berpuas hati dengan penawaran kursus ini di samping turut memberikan cadangan penambahbaikan untuk program ini pada masa hadapan.

Kata Kunci: Program akademik, bahasa Arab, objektif program, penilaian kurikulum, pendidikan.

ABSTRACT

Arabic language courses as the undergraduate program has been offered at most public universities (UA) in Malaysia with various program names (nomenclature) based on different philosophy and objectives of the university's academic program offered. However, the academic program has been offered by universities in the Middle East for a long time. This study was conducted among the students of International Islamic University Malaysia (IIUM) who specialize in Arabic language and literature (BARB) from year 1 to 4 in Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences

¹ Muhammad Sabri Sahrir, Profesor Madya, Pensyarah Kanan, Jabatan Bahasa Arab dan Kesusasteraan, Kulliyah Ilmu Wahyu dan Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 53100 Kuala Lumpur, Malaysia, muhdsabri@iium.edu.my

² Nurkhamimi Zainuddin, Penolong Profesor, Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia, khamimi@usim.edu.my

³ Mohd Shahrizal Nasir, Pensyarah, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia, mohdshahrizal@unisza.edu.my

(KIRKHS) to investigate its effectiveness and the feedback from students on this offered academic programs since the 1990. 70 respondents were selected from students who have studied a course of Computer Applications in Arabic Language and Literature (ARAB 2124) in the Department of Arabic Language and Literature, KIRKHS in semester 2, 2014/2015. In general, students are satisfied with the course offered as well as provided comments and feedbacks. The results of this questionnaire is to be used to improve this academic program in the future.

Keywords: *Academic programs, Arabic, program objectives, curriculum evaluation, education.*

Pendahuluan

Sejarah perkembangan bahasa Arab di Malaysia telah bermula sejak agama Islam masuk ke Tanah Melayu iaitu pada kurun pertama Hijrah, selaras dengan penerimaan masyarakat Melayu terhadap agama Islam (Fatimi, 1963). Kedatangan Islam bersama bahasa Arab sebagai perantaraan dalam urusan ibadat, agama dan pendidikan dalam abad ke-17 Masehi telah menyebabkan masyarakat di Kepulauan Melayu mempelajarinya dalam semua kemahiran bahasa (Abdul Wahab & Nur Shuhadak, 2015). Natijahnya, banyak perubahan telah berlaku dalam kehidupan masyarakat Melayu ketika itu turut melibatkan bahasa Arab yang telah berkembang secara aktif dan diajarkan kepada masyarakat bagi memahami Islam dan menunaikan ibadah (Rosni, 2009). Selain itu, pengaruh bahasa Arab juga didapati telah memartabatkan bahasa Melayu hingga mencapai status bahasa ilmu (Mohd Shahrizal & Kamarul Shukri, 2012). Antara contoh paling jelas bagi membuktikan pengaruh besar bahasa Arab dalam bahasa Melayu ialah penukaran penggunaan huruf Sanskrit dengan huruf Arab yang dikenali kemudiannya dengan huruf Jawi, peminjaman kosa kata Arab yang diterima pakai dalam perbendaharaan kata bahasa Melayu dalam enam kategori dan kecenderungan masyarakat memberikan nama-nama dalam bahasa Arab kepada anak-anak mereka (Abdul Wahab dan Nur Shuhadak, 2015). Kesan-kesan yang dinyatakan sebelum ini merupakan sebahagian daripada impak jelas kemasukan agama Islam dan bahasa Arab ke Tanah Melayu suatu ketika dahulu dan terus berkembang sehingga kini di Malaysia.

Pendekatan kaedah pengajaran bahasa Arab di Malaysia telah berubah mengikut zaman dan keperluan semasa. Objektif dan matlamat juga menjadi pengukur kepada sesuatu pelaksanaan kaedah pengajaran. Selain itu, bahasa Arab masih mengekalkan momentum tersendiri untuk kekal sebagai mata pelajaran pilihan sama ada di sekolah rendah, sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi sebagai bahasa kedua (Khairatul Akhmar et al, 2015). Bahasa Arab tentunya mendapat tempat dalam kalangan masyarakat Islam umumnya memandangkan Islam sebagai agama rasmi negara. Di samping itu, ramai pendidik telah didatangkan dari negara-negara Timur Tengah dan ini merupakan usaha bagi memantapkan lagi pendidikan bahasa Arab di Malaysia. Kesemua ini menjadi bukti yang kukuh bahawa pendidikan bahasa Arab telah dan sedang melalui fasa-fasa perubahan ke arah yang positif memandangkan semua lapisan masyarakat sama ada orang awam mahupun para penuntut ilmu bahasa ini dari peringkat sekolah hingga ke peringkat pengajian tinggi sentiasa berusaha untuk meningkatkan tahap penguasaan terhadap bahasa al-Quran ini. Secara tidak langsung, dengan adanya usaha yang berterusan ini, bahasa Arab akan terus relevan sebagai antara bahasa terpenting di Malaysia, bukan sahaja untuk tujuan

ibadah atau agama, lebih luas daripada itu ia turut menyumbang kepada perkembangan sektor ekonomi, pelancongan, pendidikan, kebudayaan dan sebagainya.

Penawaran program ijazah bahasa Arab di Malaysia

Proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab telah mengalami perkembangan positif di Tanah Melayu bermula dari institusi pondok dan madrasah pada abad ke-18 Masihi (Abdullah Jusuh, 1989). Proses perkembangan yang positif tersebut terus berlangsung sehingga kini bermula seawal peringkat rendah dengan pelaksanaan program j-QAF di sekolah rendah hingga ke sekolah menengah. Bagi peringkat pengajian tinggi pula, didapati banyak institusi pengajian tinggi awam menawarkan program pengajian bahasa Arab di peringkat sarjana muda, sarjana dan kedoktoran seperti di Universiti Malaya (UM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) dan lain-lainnya. Penawaran program-program akademik berkaitan bahasa Arab di kebanyakan Universiti Awam (UA) ini menjadi bukti kepentingan bahasa ini dalam prospek yang positif di Malaysia. Selain daripada program-program akademik di UA tersebut dengan wujudnya para pelajar yang mengambil ijazah sarjana muda dalam bidang Bahasa Arab, terdapat beberapa UA yang menawarkan subjek bahasa Arab sebagai bahasa asing pilihan kepada para pelajarnya (Rosni, 2009). Antara UA tersebut ialah Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), [Universiti Tun Hussein Onn Malaysia](#) (UTHM), Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan beberapa lagi universiti lain.

Kewujudan program pengajian bahasa Arab dan penawaran subjek bahasa Arab kepada pelajar di UA merupakan satu perkara baik yang perlu diberi pujian. Walau bagaimanapun, perkara lain yang lebih penting selepas wujudnya pengajian bahasa Arab di UA ialah berkenaan dengan usaha penambahbaikan program-program tersebut agar penawarannya kekal relevan dan memberi impak positif kepada pengetahuan pelajar dan prospek kerjaya mereka. Perkara ini perlu diberikan perhatian yang serius bagi memastikan kelangsungan penawaran program-program ini berada pada tahap yang cemerlang. Oleh itu, proses penilaian dan penambahbaikan perlu dilakukan dari semasa ke semasa oleh semua pihak melibatkan kementerian, universiti dan fakulti yang berkenaan dengan mengambil kira respons daripada pelajar, orang awam dan juga pihak industri. Pada ketika ini, program akademik bahasa Arab diletakkan dalam bidang Pengajian Islam di bawah Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualification Agency - MQA) (Jabatan Pengajian Tinggi, KPT, 2010, hlm. 14-15). Penawaran program Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab di Malaysia khususnya di UA pula dilakukan berdasarkan falsafah penubuhan universiti dan objektif penawaran program itu sendiri. Objektif dan jenis program yang ditawarkan adalah berbeza-beza mengikut universiti tertentu. Berikut adalah beberapa contoh Program Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab yang ditawarkan di Malaysia selain daripada UIAM:

Jadual 1: Program Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab di Malaysia

Bil.	Nama Universiti	Nama Program Sarjana Muda dan Fakulti	Objektif Program
1.	Universiti Malaya (UM)	Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dan Linguistik di bawah Fakulti Bahasa dan Linguistik.	Memastikan 75% calon pelajar Ijazah Dasar mendapat Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.0 ke atas semasa pengijazahan.
2.	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi di bawah Fakulti Pengajian Bahasa Utama.	<ul style="list-style-type: none"> - Melahirkan siswazah yang mahir dan memiliki pengetahuan bahasa Arab, Komunikasi dan asas Pengajian Islam yang kukuh bagi menghadapi cabaran dan tuntutan masa. - Memberi pendedahan kepada pelajar tentang isu utama dalam komunikasi yang sangat penting dalam bidang profesionalisme menerusi penguasaan bahasa Arab. - Memastikan graduan menguasai pelbagai kemahiran ilmu pengetahuan dan bahasa Arab sesuai dengan tuntutan dan cabaran semasa. - Memberi kefahaman mendalam kepada pelajar tentang teori integrasi ilmu Naqli dan Aqli dan konsep yang berkaitan dengan komunikasi supaya dapat diaplikasi dalam pelbagai aktiviti bahasa Arab.
3.	Universiti Putra Malaysia (UPM)	Sarjana Muda Sastera (Bahasa Asing), Major Bahasa Arab di bawah Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi.	<ul style="list-style-type: none"> - Mengukuhkan keterampilan berbahasa dalam kalangan pelajar dari aspek kemahiran mendengar, bertutur, membaca, menulis dan berkomunikasi dalam pelbagai ragam, gaya, laras, wacana dan suasana untuk memahami budaya ilmu dan memupuk integrasi nasional - Memantapkan pelajar dengan penguasaan pelbagai bahasa melalui pemerhatian, perlakuan dan pemikiran kritis dan kreatif dalam pelbagai bidang ilmu. - Menjanakan graduan yang cekap dalam bidang bahasa dan linguistik, serta berpengetahuan juga dalam disiplin ilmu yang lain.
4.	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	Sarjana Muda Pengajian Islam dan Tamadun Islam di bawah Fakulti Pengajian Islam.	<ul style="list-style-type: none"> - Melahirkan graduan yang beriman, bertakwa, mahir dalam bidang keilmuan Islam dan berkebolehan mengaplikasikannya. - Melahirkan graduan berakhlak luhur yang mahir berkomunikasi, boleh bekerjasama dan memiliki

			<p>profesionalisme.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Melahirkan graduan yang berfikiran kritis dalam menyelesaikan masalah masyarakat dan berkebolehan membuat keputusan yang tepat. - Melahirkan graduan yang mampu menerokai bidang-bidang korporat, teknokrat, keusahawanan serta sains dan teknologi.
5.	Universiti Sains Malaysia (USM)	Kursus Bahasa Arab sebagai Bahasa Asing di bawah Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan.	<ul style="list-style-type: none"> - Menawarkan Bahasa Arab 1 (LAA 100), Bahasa Arab 2 (LAA 200), Bahasa Arab 3 (LAA 300) dan Bahasa Arab 4 (LAA 400) sebagai kursus elektif atau wajib dalam memenuhi syarat graduasi program sarjana muda yang lain.
6.	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	Ijazah Sarjana Muda Bahasa Terapan (Dengan Keahlian) Bahasa Arab Komunikasi Profesional di bawah Akademi Pengajian Bahasa.	<p>Ijazah Sarjana Muda Bahasa Terapan (Dengan Keahlian) Bahasa Arab Komunikasi Profesional digubal bagi menghasilkan graduan yang mahir dalam bahasa Arab dan kompetitif dalam bidang profesional dengan menekankan kepada aspek bahasa, linguistik terapan, komunikasi profesional, teknologi maklumat, budaya, keusahawanan dan pengurusan.</p>
7.	Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)	Ijazah Sarjana Muda Pengajian Bahasa Arab Dengan Keahlian di bawah Fakulti Bahasa dan Komunikasi.	<p>Untuk melahirkan graduan yang:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang Bahasa Arab. - Mampu menguasai disiplin ilmu bahasa Arab dari aspek pengaplikasiannya dalam kemahiran bahasa. - Berkebolehan berkomunikasi dengan efektif dalam bahasa Arab. - Mempunyai pengetahuan dalam aspek pengintegrasian kemahiran bahasa Arab dengan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). - Bertanggungjawab, berketerampilan mulia dan berupaya mengamalkan ciri-ciri kepimpinan. - Berkeyakinan untuk membina dan membentuk kepakaran dalam bidang bahasa Arab ke peringkat sarjana dan doktor falsafah.
8.	Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) sebelum ini dikenali sebagai KUISAS.	Diploma Bahasa dan Kesusasteraan Arab & Diploma Bahasa Arab dengan Pendidikan di bawah Fakulti Pengajian Islam.	<ul style="list-style-type: none"> - Mensasarkan pencapaian pelajar dalam peperiksaan yang mempunyai PNG/ PNGK kurang daripada 2.0 tidak melebihi 5%. - Memastikan sekurang-kurangnya 80% akan dapat bergraduasi dalam tempoh minimum pengajian yang telah ditetapkan. - Memastikan setiap pensyarah

			mendapat skor penilaian pensyarah tidak kurang daripada Empat (4) dari skala Lima (5) bagi setiap semester.
9.	Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS)	<ul style="list-style-type: none"> - Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua (Kepujian) - Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab Terjemahan (Kepujian) - Diploma Pengajian Islam (Bahasa Arab) - Ditawarkan oleh Jabatan Pengajian Bahasa dan Linguistik Arab, Fakulti Pengajian Peradaban Islam. 	<ul style="list-style-type: none"> - Mempraktikkan ilmu linguistik, kesusasteraan dan kemahiran Bahasa Arab dalam pelbagai lapangan kehidupan. - Melaksanakan tanggungjawab kepada Allah, diri, pelajar, rakan sejawat, keluarga, masyarakat dan negara. - Mengaplikasi teknologi dalam bidang linguistik, kesusasteraan dan kemahiran bahasa Arab. - Menggunakan bahasa Arab untuk pembelajaran sepanjang hayat di samping mengekalkan jati diri yang tulen. - Mentadbir sebuah organisasi dengan cekap. - Menghasilkan penyelidikan terkini untuk menyelesaikan masalah berkaitan ilmu linguistik, kesusasteraan dan kemahiran bahasa Arab, berhujah secara kritis, kreatif dan inovatif. - Mengaplikasi ICT secara berkesan dalam aktiviti pembelajaran. - Mengambil manfaat daripada perkembangan Bahasa Arab untuk keusahawanan. - Menilai perkembangan linguistik dan kemahiran Bahasa Arab di Malaysia secara dinamik dan proaktif.
10.	Universiti Malaysia Kelantan (UMK)	Kursus Bahasa Ketiga (Bahasa Arab), UBA 2012, UBA 2022 dan UBA 2032 di bawah Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Generik.	Melahirkan graduan yang cemerlang dalam kemahiran bahasa dan insaniah.

Berdasarkan objek penawaran program-program berkaitan pengajian bahasa Arab di beberapa institusi pengajian tinggi di Malaysia sepertimana yang dinyatakan pada Jadual 1, dapat difahami bahawa semua program tersebut memiliki *niche* yang tersendiri. Hal ini

amat baik bagi menyerlahkan variasi tujuan penawaran program-program tersebut. Keadaan ini juga memberi petunjuk jelas bahawa bidang Pengajian Bahasa Arab mempunyai skop pengajian yang amat luas, bukan bersifat stereotaip dan jumud. Secara tidak langsung, program-program ini boleh melahirkan graduan pengajian bahasa Arab yang dinamik dan mempunyai nilai kebolehasaran.

Permasalahan kajian

Banyak harapan yang disandarkan kepada penubuhan program-program bahasa Arab di Malaysia oleh para sarjana dalam bidang ini. Sebagai contoh, menurut Mohammad Seman (2015), penawaran program bahasa Arab di Universiti Malaya diharap akan membantu ke arah pemasaran bahasa Arab sebagai keperluan istimewa umat Islam dan keperluan komersial untuk semua. Menurut Zamri Arifin (2015) pula, antara harapan yang diletakkan kepada para pelajar bidang Pengajian Bahasa Arab di UKM ialah agar mereka menjadi insan yang mempunyai asas-asas penting yang membolehkan mereka mendalami dan mengkaji perkara yang berkaitan dengan Islam daripada sumber-sumber asal dalam bahasa Arab.

Rosni Samah (2015) menyatakan bahawa graduan bidang Bahasa Arab dari USIM pula diharapkan dapat menjadi individu yang mahir dalam bahasa Arab bagi memenuhi keperluan pekerjaan moden hari ini. Penggabungan dua pengkhususan iaitu bahasa dan komunikasi dalam kurikulum pelajar bahasa Arab di USIM diharap dapat menambah suntikan komunikasi dalam penggunaan ilmu bahasa Arab seterusnya menangkis dakwaan bahawa pengajian bahasa Arab hanya memberi fokus terhadap aspek teori semata-mata. Semua harapan ini tidak boleh hanya menjadi satu khayalan yang tercatat di atas kertas semata-mata, sebaliknya usaha menjadikannya satu realiti perlu digembleng oleh semua pihak yang terlibat dalam bidang Pendidikan Bahasa Arab di Malaysia.

Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di UIAM dilaksanakan di bawah tiga fakulti dan pusat bahasa. Berikut adalah maklumat program akademik bahasa Arab yang ditawarkan oleh UIAM:

Jadual 2: Fakulti dan Program Akademik Bahasa Arab di UIAM

Bil.	Nama Fakulti	Program Akademik Bahasa Arab Peringkat BA Ditawarkan	Objektif Penawaran Program
1.	Kulliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan (KIRKHS)	Ijazah Sarjana Muda Ilmu Wahyu dan Warisan (Bahasa Arab, Linguistik dan Kesusasteraan) - BARB	Program ijazah dasar ini bertujuan menghasilkan para pelajar yang mahir dalam bidang linguistik dan kesusasteraan bahasa Arab serta mampu menyumbang kepada pembangunan ummah.
2.	Kulliyyah Pendidikan (KoED)	Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) Dalam Bahasa Arab Bagi Komunikasi Antarabangsa (BA ARCOM)	Pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa moden dan tujuan komunikasi antarabangsa.
3.	Kulliyyah Bahasa dan Pengurusan (KLM)	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pengajaran Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua – TASL)	Pengajaran bahasa Arab bagi tujuan pengajaran bahasa kedua dan pendidikan.
4.	Pusat Bahasa dan Perkembangan Akademik Pra-Universiti (CELPAD)	Program Persediaan Bahasa Arab bagi peringkat Pra-Universiti di Pusat Asasi UIAM.	Pengajaran bahasa Arab bagi pelajar di peringkat pra-universiti di Pusat Bahasa (CELPAD) dan Pusat Asasi (CFS), UIAM

Jabatan Bahasa Arab dan Kesusasteraan merupakan jabatan pertama bahasa Arab yang ditubuhkan di Asia Tenggara dan Malaysia pada tahun 1990 sebagai sebuah entiti yang berasingan dan bebas. Hingga kini, jabatan ini yang mempunyai seramai 30 orang staf akademik menawarkan program akademik dalam bahasa Arab di peringkat ijazah sarjana muda, sarjana dan kedoktoran dalam bidang linguistik, kesusasteraan dan pengajaran bahasa Arab kepada para pelajar daripada dalam dan luar Malaysia.

Kajian ini penting dalam mengkaji beberapa isu seperti tahap penilaian pelajar terhadap program bahasa Arab yang ditawarkan, keberkesanannya dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran bahasa, kemahiran insaniah, prospek kebolehpasaran graduan bahasa Arab dan potensi mereka dalam pasaran kerja dan industri selepas bergraduasi. Berdasarkan kajian yang dilaksanakan oleh Nur Sofurah, Maziana dan Rosfaszlizah (2006), pelajar yang cemerlang mempunyai amalan gaya belajar yang positif melalui motivasi yang kuat, ketabahan yang tinggi, berstruktur dan sentiasa bertanggungjawab dalam pelajaran. Mereka mampu merangsang diri sendiri untuk berjaya di samping bantuan daripada rakan-rakan, ibu bapa dan pensyarah. Dalam kajian berasingan, didapati bahawa program latihan industri (*internship*) yang dijalankan oleh jabatan ini sebagai komponen daripada program akademik Sarjana Muda Bahasa Arab membantu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan dalam suasana pekerjaan sebenar (Muhammad Sabri, Taufik & Saiful Adli, 2016). Namun begitu, kajian ini hanya terhad kepada penilaian program akademik bahasa Arab peringkat sarjana muda di KIRKHS, UIAM sahaja tanpa melibatkan universiti-universiti awam (UA) yang lain ataupun dari Timur Tengah.

Objektif kajian

Kajian ini dijalankan bagi mengkaji beberapa objektif seperti berikut:

- 1- Mengkaji tahap kepuasan pelajar terhadap program akademik yang ditawarkan oleh jabatan.
- 2- Menilai tahap persepsi pelajar terhadap potensi kebolehpasaran program akademik yang ditawarkan oleh jabatan.
- 3- Mencungkil respons pelajar terhadap cadangan penambahbaikan yang diharapkan oleh pelajar bagi memenuhi jangkaan keperluan kerjaya mereka.

Persoalan kajian

Kajian ini dijalankan bagi mengkaji beberapa persoalan seperti berikut:

- 1- Apakah tahap kepuasan pelajar terhadap program akademik yang ditawarkan oleh jabatan?
- 2- Bagaimanakah tahap persepsi pelajar terhadap potensi kebolehpasaran program akademik yang ditawarkan oleh jabatan?
- 3- Sejauh manakah respons pelajar terhadap cadangan penambahbaikan yang diharapkan oleh pelajar bagi memenuhi jangkaan keperluan kerjaya mereka?

Metodologi kajian

Kajian ini dijalankan dalam kalangan para pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang mengambil pengkhususan bahasa Arab dan kesusasteraan (BARB) daripada tahun 1 hingga 4 di Kulliyah Ilmu Wahyu dan Kemanusiaan (KIRKHS). Kajian ini

bertujuan untuk mengkaji keberkesanan dan maklum balas para pelajar terhadap program akademik yang telah ditawarkan ini sejak tahun 1990.

Responden kajian ini dipilih daripada para pelajar bahasa Arab yang mengambil subjek Aplikasi Komputer dalam Jabatan Bahasa Arab dan Kesusasteraan atau ARAB 2124 dalam semester 2, 2014/2015 yang berjumlah 70 orang. Instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik yang terdiri daripada soalan tertutup (*close-ended*) dan terbuka (*open-ended*) iaitu kaedah bercampur di antara kuantitatif dan kualitatif. Namun begitu, dapatan kajian ini bukanlah untuk digeneralisasikan bagi keseluruhan pelajar Jabatan Bahasa Arab dan Kesusasteraan atau ARAB. Sebaliknya, dapatan kajian ini merupakan hasil analisis awal terhadap keberkesanan dan maklum balas para pelajar terhadap program akademik yang telah ditawarkan oleh jabatan.

Dapatan kajian

Secara umumnya, dapatan kajian ini terbahagi kepada tiga bahagian utama: maklumat demografi responden dan item soal selidik yang terdiri daripada soalan tertutup (*close-ended*) dan terbuka (*open-ended*).

A) Maklumat Demografi

Maklumat yang dipaparkan dalam kajian ini berkaitan dengan jantina, tahun pengajian, kerakyatan dan bidang pengkhususan pelajar yang menjadi responden kajian seperti di bawah:

1- Jantina:

Jadual 3: Jantina

Jantina	Kekerapan (N)	Peratusan (%)
Lelaki	11	15.7
Perempuan	59	84.3
JUMLAH	70	100

Majoriti responden terdiri daripada pelajar perempuan seramai 59 orang (84.3%), manakala bakinya adalah pelajar lelaki seramai 11 orang sahaja (15.7%). Peratusan ini adalah normal jika dibandingkan dengan pecahan peratusan antara pelajar lelaki dan perempuan di universiti awam Malaysia.

2- Tahun Pengajian:

Jadual 4: Tahun Pengajian

Tahun	Kekerapan (N)	Peratusan (%)
Pertama	29	41.4
Kedua	17	24.3
Ketiga	11	15.7
Keempat	13	18.6
JUMLAH	70	100

Jadual 4 menunjukkan taburan responden yang terlibat dalam kajian ini yang terdiri daripada para pelajar tahun 1 seramai 29 orang (41.4%), tahun 2 seramai 17 orang

(24.3%), tahun 3 seramai 11 orang (15.7%) dan tahun 4 seramai 13 orang (18.6%). Majoriti responden adalah terdiri daripada pelajar tahun pertama dan kedua.

3- Kerakyatan:

Jadual 5: Kerakyatan

Kerakyatan	Kekerapan (N)	Peratusan (%)
Malaysia	68	97.1
Bukan Malaysia	2	2.9
JUMLAH	70	100

Jadual 5 menunjukkan kerakyatan responden yang terdiri daripada rakyat warganegara Malaysia yang merupakan majoriti terbesar iaitu seramai 68 orang iaitu 97.1%. Maklumat ini diambil bagi mengkaji dapatan kajian yang turut melibatkan pelajar antarabangsa yang belajar di UIAM.

4- Bidang Pengkhususan:

Jadual 6: Bidang Pengkhususan

Pengkhususan	Kekerapan (N)	Peratusan (%)
Linguistik	50	76.9
Sastera	15	23.1
Belum Ditentukan	5	7.1
JUMLAH	70	100

Jadual 6 pula menunjukkan taburan bidang pengkhususan pelajar yang majoritinya terdiri daripada bidang Linguistik seramai 50 orang (76.9%), manakala selebihnya adalah pelajar dalam bidang Sastera (23.1%) dan pelajar yang belum menentukan aliran bidang pengkhususan yang bakal dipilih (7.1%).

B) Item Penilaian Pelajar Terhadap Program Akademik Sarjana Muda Bahasa Arab
Soal selidik dalam bahagian ini melibatkan penilaian respons pelajar terhadap Program Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab yang ditawarkan oleh Jabatan Bahasa Arab dan Kesusasteraan, KIRKHS, UIAM. Responden hanya menyatakan Ya atau Tidak pada setiap item soalan dan memberikan sebab terhadap jawapan yang diberi dalam esei ringkas.

Soalan 1: Adakah bidang pengkhususan anda sekarang membantu anda bersedia untuk berkerjaya kelak?

Jadual 7: Prospek Kerjaya

Respons	Kekerapan (N)	Peratusan (%)
Ya	48	68.6
Tidak	22	31.4
JUMLAH	70	100

Jadual 7 menunjukkan bahawa lebih daripada separuh pelajar seramai 48 orang (68.6%) bersetuju bahawa bidang pengkhususan bahasa Arab yang diikuti sekarang dapat membantu mereka bersedia untuk memasuki alam pekerjaan. Namun begitu, responden

juga turut memberikan justifikasi bagi kedua-dua jawapan yang diberikan sama ada Ya ataupun Tidak. Respons mereka dapat dibahagikan kepada dua bahagian seperti di bawah:

Jadual 8: Respons bagi Soalan 1

Respons	Sebab
Ya	<ul style="list-style-type: none"> • Linguistik lebih praktikal berbanding sastera. • Mempunyai tujuan yang jelas untuk mencapai kerjaya yang diimpikan. • Bercita-cita untuk menjadi seorang pensyarah bahasa Arab. • Mengambil bahasa Arab sebagai bahasa tambahan merupakan kredit dalam mendapatkan pekerjaan. • Ilmu sastera yang diajar sangat mendalam. • Bahasa Arab boleh diaplikasikan dalam semua bidang. • Aktiviti pembelajaran yang menarik dalam kelas. • Bahasa Arab diperlukan dalam mana-mana sahaja bidang pekerjaan yang ada. • Membantu dari sudut penambahan kosa kata bahasa Arab dan terjemahan. • Bahasa Arab adalah bahasa komunikasi senang untuk dapat pekerjaan seperti guru, pensyarah, deejay radio, wartawan TV, penulis buku dan lain-lain.
Tidak	<ul style="list-style-type: none"> • Pilihan kerjaya di luar bidang bahasa Arab. • Prestasi akademik yang teruk. • Kurang pendedahan dengan peluang pekerjaan di luar dan dari segi kemahiran bercakap dengan bahasa kurang dan perlu dimasukkan dalam subjek pembelajaran. • Banyak skil hafalan daripada praktikal. • Tidak pasti kerjaya yang menggunakan sastera bahasa Arab. • Lemah dalam bahasa Arab...rasa kurang berkeyakinan. • Tidak nampak peluang pekerjaan yang menjamin para pelajar yang mengambil bidang ini memperoleh pekerjaan selepas mereka tamat belajar. • Kurang praktikal dan hanya bergantung pada teori. • Tidak dapat pencerahan tentang kerjaya yang bakal saya peroleh pada masa akan datang. • Tiada peluang praktikal kemahiran berbahasa di luar kelas.

Berdasarkan Jadual 8 di atas, didapati para pelajar mempunyai respons yang pelbagai dan bercampur-campur antara positif dan negatif. Antara isu yang diluahkan oleh mereka adalah keupayaan akademik, keyakinan berbahasa, peluang mempraktikkan kemahiran berbahasa terutamanya dalam kemahiran bercakap, prospek kerjaya selepas bergraduasi, teknik pengajaran subjek dan kandungan kursus akademik yang perlu ditambah baik.

Soalan 2: Sejauh manakah bidang Linguistik atau Sastera yang ditawarkan oleh Jabatan Bahasa Arab dan Kesusasteraan KIRKHS dapat memenuhi keperluan kerjaya para pelajar? Jadual 9 menyenaraikan respons pelajar dapat dibahagikan kepada dua bahagian seperti di bawah:

Jadual 9: Respons bagi Soalan 2

Respons	Sebab
Positif	<ul style="list-style-type: none"> • Pelajar mampu menceburi pelbagai bidang dan peluang pekerjaan menjadi lebih luas, bukannya hanya dalam

	<p>bidang pengajaran.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sumber rujukan yang mencukupi untuk para pelajar. • Masih belum mencapai tahap memuaskan. • Bidang linguistik telah memberi banyak manfaat kepada pelajar dengan perkataan-perkataan Arab yang baharu. • Bersifat komprehensif. • Bidang Bahasa Arab sangat membantu pelajar dalam menguasai semua bidang kerjaya seperti ekonomi, perniagaan, pendidikan, pelancongan dan lain-lain.
Negatif	<ul style="list-style-type: none"> • Sekadar teori yang begitu baik sekali pendedahannya kerana pelajar lebih fokus belajar untuk dapatkan markah sahaja, namun kurang dari segi ilmu praktikalnya. • Prospek kerjaya yang sempit seperti guru atau pensyarah sahaja. • Subjek "translation" bagus untuk membantu pelajar menterjemah teks, tetapi buku yang digunakan terlalu susah untuk difahami. Cara pengajaran juga tidak dapat difahami sepenuhnya. • Sesi kuliah memberi tumpuan kepada aspek mendalami bahasa secara teori daripada praktikal. • Pelajar bahasa Arab tidak mengetahui kerjaya yang sesuai untuk mereka setelah tamat belajar. • Meningkatkan kemahiran berbahasa Arab. • Subjek hanya fokus pada aspek teori, tiada latihan komunikasi iaitu tidak banyak bertutur bahasa Arab di dalam kelas. • Mewajibkan subjek "Practical Translation" sebagai subjek wajib supaya semua pelajar bahasa Arab agar dapat memantapkan terjemahan mereka.

Soalan 3: Sejauh manakah subjek (mata pelajaran) yang ditawarkan oleh Jabatan Bahasa Arab dan Kesusasteraan KIRKHS dapat memenuhi keperluan kerjaya para pelajar? Jadual 10 menyenaraikan respons pelajar dapat dibahagikan kepada dua bahagian seperti di bawah:

Jadual 10: Respons bagi Soalan 3

Respons	Sebab
Positif	<ul style="list-style-type: none"> • Kebanyakan subjek membantu tetapi perlukan penambahbaikan. • Menawarkan subjek-subjek tertentu seperti semantik, pragmatik dan terjemahan paraktikal supaya subjek yang dipelajari dapat dipraktikkan. • Subjek "Computer Application in Language & Literature" dan "Advanced Arabic Language" dapat membantu saya dalam kemahiran menulis dan bercakap.
Negatif	<ul style="list-style-type: none"> • Mendedahkan kepada pelajar dalam dunia pekerjaan seperti praktikal (<i>internship</i>). • Sebahagian mata pelajaran menumpukan kepada hafalan semata-mata daripada aspek praktikal dan aplikasi dalam kehidupan seharian. • Perlu ditekankan subjek-subjek yang dapat memantapkan komunikasi dengan orang supaya lebih terdedah dengan suasana pekerjaan di luar.

	<ul style="list-style-type: none"> • Kekurangan subjek yang lebih kepada praktikum. • Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kurang berkesan. • Untuk bahagian linguistik, mungkin akan memenuhi keperluan kerjaya. Namun untuk bahagian sastera, sangat sedikit yang dapat memenuhi keperluan. • Laksanakan sistem kredit dan pemarkahan yang detil terperinci untuk latihan industri dan masukkan CGPA bukan hanya lulus atau gagal. • Subjek latihan industri iaitu memberikan pengalaman kepada pelajar di alam pekerjaan. Para pelajar dapat mempelajari ilmu baharu untuk diguna pakai selepas tamat belajar. • Subjek-subjek ini ada yang terlalu tinggi. Diharap agar dapat sediakan juga kelas untuk pelajar yang hendak belajar daripada peringkat asas. • Menyediakan mata pelajaran yang berteraskan komputer supaya pelajar dapat melazimi diri dengan teknologi seterusnya mencorakkannya dengan pengetahuan bahasa Arab mereka.
--	---

Soalan 4: Adakah anda berpuas hati dengan bidang pengkhususan (linguistik/sastera) yang ditawarkan oleh Jabatan Bahasa Arab dan Kesusasteraan KIRKHS ?

Jadual 11 menunjukkan bahawa lebih daripada separuh pelajar seramai 47 orang (69.1%) berpuas hati dengan bidang pengkhususan (linguistik/sastera) yang ditawarkan. Namun begitu, responden juga turut memberikan justifikasi bagi kedua-dua jawapan yang diberikan sama ada Ya ataupun Tidak. Respons mereka dapat dibahagikan kepada dua bahagian seperti di bawah:

Jadual 11: Kepuasan Pelajar

Respons	Kekerapan (N)	Peratusan (%)
Ya	47	69.1
Tidak	21	30.9
Tiada Jawapan	2	
JUMLAH	70	100

Jadual 12: Respons bagi Soalan 4

Respons	Sebab
Positif	<ul style="list-style-type: none"> • Linguistik lebih praktikal berbanding sastera. • Nahu, Saraf, Leksikografi dan Linguistik Am adalah antara subjek yang penting dan menarik. • Subjek 'History of Arabic Literature', 'Jahili & Islamic Poetry Texts' membantu pelajar meneroka pengetahuan tentang zaman yang dipelajari melalui bait-bait syair Arab.
Negatif	<ul style="list-style-type: none"> • Terlalu banyak syair perlu dihafaz dalam subjek 'History of Arabic Literature'. • Banyakkan lagi contoh dan praktikalnya dalam subjek Nahu dan Saraf daripada ayat-ayat al-Quran dan hadis.

	<ul style="list-style-type: none"> • Perlu sokongan tambahan daripada kulliyah dan universiti. • Tambahkan subjek kerana pelajar BARB terlalu santai hingga boleh habiskan dalam masa tiga tahun sahaja. • Jadikan 'Practical Translation' sebagai subjek wajib. • 'Jahili & Islamic Poetry Texts' adalah subjek yang agak sukar dan tidak sesuai dengan persekitaran Malaysia. • Perlu kelas kemahiran bertutur. • Menghantar pelajar jurusan Bahasa Arab ke negara Arab. • Banyakkan pembelajaran yang bersifat praktikal berbanding teori.
--	--

Soalan 5: Sejauh manakah bidang pengkhususan anda sekarang membantu anda bersedia dari segi kemahiran membaca, menulis, mendengar dan bertutur dalam bahasa Arab untuk berkerjaya kelak?

Jadual 13 menyenaraikan respons pelajar dapat dibahagikan kepada dua bahagian seperti di bawah:

Jadual 13: Respons bagi Soalan 5

Respons	Sebab
Positif	<ul style="list-style-type: none"> • Subjek 'Computer Application in Language & Literature' dan 'Advanced Arabic Language' membantu saya untuk menulis karangan dengan lebih baik.
Negatif	<ul style="list-style-type: none"> • Belum memuaskan kerana kurang aktiviti semasa proses pembelajaran. • Setiap mata pelajaran ada pembentangan supaya dapat membantu meningkatkan kemahiran berbahasa pelajar. • Pelajar lebih diajar untuk menghafal mungkin kerana subjek ini memang perlukan hafalan. Namun saya dapati kemahiran menulis saya semakin buruk dari semasa ke semasa kerana kurangnya latihan dan pencerahan daripada pensyarah. • Pelajar pasif dalam kelas dan bertutur dalam bahasa Melayu sesama mereka. • Sistem di universiti ini hanya berteraskan peperiksaan. • Kurang menggalakkan kemahiran bertutur kerana pensyarah Melayu khususnya gemar menggunakan bahasa Melayu ketika berinteraksi dengan pelajar. • Membantu dari sudut kemahiran membaca sahaja, manakala kemahiran bercakap dan menulis kurang. Saya banyak belajar ketika menjadi DJ IIUM.FM • Terlalu bnyak untuk dipelajari, persediaan hanya untuk peperiksaan. • Kurangnya penekanan terhadap penulisan dan bercakap dalam bahasa Arab.

Soalan 6: Adakah bidang pengkhususan anda sekarang membantu anda bersedia dari segi kemahiran insaniah (*softskills*) seperti IT, keusahawanan, kerja berpasukan, perhubungan awam, pemikiran kritis dan lain-lain untuk berkerjaya kelak?

Jadual 14 menunjukkan respons pelajar dalam soalan ini agak seimbang di antara Ya (52.2%) dan Tidak (47.8%). Namun begitu, responden juga turut memberikan justifikasi bagi kedua-dua jawapan yang diberikan sama ada Ya ataupun Tidak. Respons mereka dapat dibahagikan kepada dua bahagian seperti di bawah:

Jadual 14: Membantu Kemahiran Insaniah dan Berkerjaya

Respons	Kekerapan (N)	Peratusan (%)
Ya	35	52.2
Tidak	32	47.8
Tiada Jawapan	3	
JUMLAH	70	100

Jadual 15: Respons bagi Soalan 7

Respons	Sebab
Positif	<ul style="list-style-type: none"> • Terdapat subjek yang ditawarkan mempelajari IT, 'Creative and Critical Thinking' yang dapat membantu pelajar mahir dalam bidang selain bahasa Arab. • Didapati melalui melalui tugas (<i>assignment</i>) dan pembentangan (<i>presentation</i>) yang dilaksanakan.
Negatif	<ul style="list-style-type: none"> • Kurang pemarkahan aktiviti diambil kira dan lebih pemarkahan berbentuk kuiz dan bertulis sahaja pada kebanyakan mata pelajaran. • Kuliah menyediakan peluang kemahiran insaniah <i>softskills</i> tetapi masih terhad untuk semua pelajar. • Banyak menghafal tetapi kurang praktikal. • Masih memerlukan kelas tambahan untuk <i>softskills</i>. • Kebanyakan subjek yang ditawarkan di Jabatan Bahasa Arab tidak sepenuhnya bergantung kepada keperluan untuk berfikir secara kritis dan kreatif tetapi lebih menjurus kepada fakta yang perlu dihafal dan difahami kecuali subjek-subjek seperti ARAB 2124, ARAB 2221, ARAB 2212 dan ARAB 3111. • Tiada aktiviti dalam subjek yang membantu untuk meningkatkan <i>softskills</i>. Sekadar perbincangan dalam kumpulan sahaja yang praktikal. Kebanyakan pelajar melatih <i>softskills</i> mereka dalam kelab dan persatuan.

Soalan 7: Apakah cadangan anda untuk penambahbaikan kursus atau subjek yang ditawarkan oleh Jabatan Bahasa Arab dan Kesusasteraan KIRKHS? Nyatakan jawapan anda.

Jadual 16 menyenaraikan respons pelajar dapat dibahagikan kepada beberapa tema utama seperti di bawah:

Jadual 16: Respons bagi Soalan 8

Respons	Sebab
Aktiviti Pembelajaran	<ul style="list-style-type: none"> • Perlu utamakan cara belajar dalam kelas dan membuat latihan yang lebih banyak. • Memperbanyakkan praktikal bahasa Arab. • Tekankan kemahiran bertutur dalam pembelajaran. • Selarikan antara teori dan praktis dalam kelas. • Kurangkan kuiz dan peperiksaan tetapi lebihkan praktikal.
Sokongan Pembelajaran	<ul style="list-style-type: none"> • Mengadakan slot wajib untuk program pertukaran pelajar ke negara-negara Arab bagi setiap pelajar. • Mewajibkan pelajar BARB untuk membentangkan kertas kerja dalam bahasa Arab dalam program berkaitan.

	<ul style="list-style-type: none"> • Memberi pencerahan tentang hala tuju pelajar bahasa arab di samping dapat membantu meningkatkan jati diri dan keyakinan diri untuk menjadi lepasan jurusan Bahasa Arab yang lebih berwawasan. • Pelajar dilatih untuk bercakap dan lawatan-lawatan ke tempat yang ditawarkan pekerjaan untuk pelajar bahasa Arab supaya pelajar lebih bersemangat dan bermotivasi. • Banyakkan program bahasa yang mungkin saya cadangkan, wajib untuk pelajar bahasa.
Menambah baik Kurikulum PdP	<ul style="list-style-type: none"> • Memperkenalkan subjek komunikasi bahasa Arab seperti subjek berkaitan 'broadcasting'. • Kurangkan mempelajari Sastera Jahili, sebaliknya lebihkan sastera dari sudut keagamaan kerana kita dapat mengenali ulama sendiri. • Masukkan kelas kemahiran bertutur dalam bahasa Arab dan gantikan subjek yang tidak sesuai dengan keperluan semasa. • Kurangkan subjek menghafal seperti syair-syair dan sebagainya, banyakkan subjek praktikal. • Wajibkan subjek tertentu seperti 'practical translation' dan 'public speaking'. • Memberikan gred CGPA kepada subjek latihan industri. • Menambahbaik subjek 'translation' dari segi teknik pengajaran dan buku yang digunakan. • Menambah tenaga pengajar daripada penutur asli bahasa Arab.
Menerapkan Kemahiran Tambahan	<ul style="list-style-type: none"> • Menggarap kemahiran tertentu dalam kalangan pelajar. • Tingkat ilmu dan kemahiran ICT dalam kalangan pelajar.

Perbincangan dan rumusan dapatan

Berdasarkan dapatan di atas, didapati bahawa aspek-aspek tertentu dalam program Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab Linguistik dan Kesusasteraan, KIRKHS UIAM memerlukan beberapapenambahbaikan bagi memantapkan lagi keberkesanan program akademik ini. Walaupun secara keseluruhannya didapati bahawa para pelajar berpuas hati dengan program yang ditawarkan dan mereka turut menyenaraikan beberapa aspek kelemahan program yang perlu diambil perhatian oleh pihak jabatan, kulliyah dan universiti.

Antara penambahbaikan terhadap kurikulum program sarjana muda Bahasa Arab ini yang dapat disimpulkan adalah seperti berikut:

- Melakukan semakan kurikulum dan rombakan terhadap subjek tertentu dan silibus yang ditawarkan dalam 'study plan'.
- Menambah baik kaedah pengajaran dan aktiviti pembelajaran dalam kelas dengan kaedah praktikal dan bukan terhad kepada hafalan dan ingatan.
- Menambah baik kaedah penilaian dalam kelas dengan memperbanyakkan aktiviti yang menjana kemahiran bahasa dan insaniah seperti tugas, persembahan dan aktiviti berkumpulan.
- Menekankan kemahiran bertutur dalam kelas dengan cara menggunakan bahasa Arab sebagai medium pembelajaran oleh tenaga pengajar bukan Arab.
- Mengadakan aktiviti ko-kurikulum di luar kelas seperti aktiviti pengayaan bahasa dan lain-lain.

- f) Memerlukan sokongan yang lebih kuat daripada pihak jabatan, kulliyah dan universiti bagi memantapkan penguasaan pelajar dalam bahasa Arab.
- g) Pihak jabatan, kulliyah dan universiti perlu memperluaskan lagi jaringan kerjasama dengan pihak industri bagi membuka prospek kerjaya yang lebih luas untuk pelajar dalam pengkhususan bahasa Arab.

Kesimpulan

Secara umumnya, kajian ini telah meneroka respons para pelajar terhadap keberkesanan sebuah program akademik sarjana muda bahasa Arab yang ditawarkan oleh KIRKHS UIAM. Dapatan ini amat berguna dalam proses menambah baik semakan kurikulum program yang dilaksanakan oleh pihak jabatan dan UIAM secara khususnya, namun dapat juga dimanfaatkan oleh jabatan dan program akademik bahasa Arab di universiti-universiti yang lain.

Pelaksanaan sebuah program akademik sarjana muda dengan baik dan teratur memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan dan keberkesanan program tersebut. Dapatan kajian khususnya berkaitan penambahbaikan yang dicadangkan oleh responden dapat membantu memantapkan lagi program yang ditawarkan. Maklumat yang diperoleh dari kajian ini dapat menambah baik, mengemas kini dan menilai semula proses pembelajaran dan pengajaran. Ini memastikan supaya program tersebut berdaya saing dengan program yang ditawarkan di Timur Tengah. Selain itu diharapkan program akademik yang ditawarkan di institusi pengajian tinggi di Malaysia akan lebih berbetuk dinamik, global dan mampu menawarkan peluang pekerjaan yang luas pada masa hadapan. Dengan kata lain, ia juga membantu pengkaji dan penggubal kurikulum yang ingin memahami dan melihat semula (*reflect*) proses serta perjalanan system pendidikan terutamanya yang berkaitan dengan (PISMAB) di universiti awam.

Rujukan

- Abdullah Jusuh. 1989. *Pengenalan Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Wahab Zakaria & Nur Shuhadak Mohd Shamsuddin. 2015. Tawajjuh ataulah Maliziya fi al-hifaz 'ala hawiyah al-lughah al-Arabiyyah wa hadharatiha. *Majallah Jami'ah al-Quds al-Maftuhah li al-Abhath wa al-Dirasat*, 32, 2, 341-362.
- Fatimi S. Q. 1963. *Islam Comes to Malaysia*. Singapore: Malaysian Sociological Research Institute LTD.
- Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi. 2010. *Hala Tuju Pengajian Islam di Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Pengajian Tinggi Malaysia.
- Khairatul Akhmar Ab. Latif, Maimun Aqsha Lubis & Aisyah Sjahrony. 2015. *Realiti Teori dan Praktikal Bahasa Arab Universiti di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Khairuzaman Kadir, Suhaila Zailani @ Hj. Ahmad, Khazri Osman, Ummu Hani Hashim & Nur Syazwina Mustapa. 2012. *Keberkesanan Kem Bahasa Arab dalam Meningkatkan Tahap Motivasi dan Keyakinan Pelajar*. Dlm. Prosiding Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12), 116-129, 19 Mei.
- Nur Sofurah Mohd Faiz, Maziana Mohamed & Rosfaszlizah Zahit. 2006. *Gaya Pembelajaran Pelajar Cemerlang: Satu Kajian dalam Membantu Meningkatkan Kualiti Pembelajaran*. Dlm. Seminar Kebangsaan Pendidikan Teknik dan Vokasional (TVE06), 9-10 Disember.
- Mohammad Seman. 2015. "Pengalaman dan Hala Tuju Pengajaran Bahasa dan Kesusasteraan Arab di Universiti Malaya (UM)". Dlm. Zamri Arifin & Zainuddin Ismail (pynt.). *Pemeriksaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa dan Kesusasteraan Arab di Institut Pengajian Tinggi Malaysia*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Shahrizal Nasir & Kamarul Shukri Mat Teh. 2012. *Pemanfaatan Kosa Kata Arab dalam Bahasa Melayu: Satu Analisis Perbandingan Dari Sudut Semantik*. Kertas kerja International Conference on Social Sciences and Humanities, anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia, 12-13 Disember.
- Muhammad Sabri Sahrir, Taufik Ismail & Saiful Adli Shamsul Tajri. 2016. An Insight into Internship Program for Undergraduate Arabic Language Learners in Malaysia. *The Online Journal of Islamic Education*, 4(1), 28-37.
- Rosni Samah. 2009. *Isu Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Rosni Samah. 2015. "Pengalaman dan Hala Tuju Pengajaran Bahasa dan Kesusasteraan Arab di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)". Dlm. Zamri Arifin & Zainuddin Ismail (pynt.). *Pemeriksaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa dan Kesusasteraan Arab di Institut Pengajian Tinggi Malaysia*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri Arifin. 2015. "Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa dan Kesusasteraan Arab di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)". Dlm. Zamri Arifin & Zainuddin Ismail (pynt.). *Pemeriksaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa dan Kesusasteraan Arab di Institut Pengajian Tinggi Malaysia*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.